

## BAB 1 : MELAKA SECARA UMUM

### Geografi Melaka

Melaka terdiri daripada empat daerah yang besar iaitu Alor Gajah, Selendar, Masjid Tanah dan Melaka Tengah. Keluasannya ialah 1 650 km. Persegi.<sup>1</sup> Negeri ini mula dibuka oleh pengasasnya iaitu Raja Parameswara yang berasal dari Palembang Sumatera. Raja Parameswara sedar bahawa pembukaan Melaka disifatkan sebagai amat penting untuk kejayaan sebuah pelabuhan interpot pada awal kurun ke 15. Dari segi geografi, Melaka terletak di persimpangan jalan laut antara India dan China. Seiring dengan itu, pelabuhan Melaka terlindung dari angin Monsun Barat Daya dan angin Monsun Timur Laut. Dalam masa yang sama, kedudukan Selat Melaka yang semulajadi telah dapat memberi banyak keistimewaan pada para pedagang yang belayar dengan selamat dan terdapat banyak pelabuhan-pelabuhan untuk meneruskan aktiviti perdagangan antarabangsa mereka. Dengan kata lain, Selat Melaka boleh dianggap sebagai ‘lorong’ selamat dan kaya bagi kedua pihak iaitu antara para pedagang dan kerajaan-kerajaan yang wujud di sepanjang Selat tersebut.

Dalam membicarakan tajuk ini, Telok Mas terletak di dalam daerah Melaka Tengah. Ia menghadap Selat Melaka dan kira-kira 7 kilometer dari pusat bandar Melaka. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kawasan ini pantainya bertelok dan suatu ketika dahulu terdapat banyak emas dijumpai.<sup>2</sup> Lebih jelas lagi tapak Sekolah Henry Gurney adalah pusat perlombongan bauksit yang terkenal di Semenanjung Tanah Melayu. Jadi memang benarlah kawasan ini kaya dengan bahan galian termasuklah emas. Jesturu itu

---

1. Pejabat Tanah dan Galian, Melaka.

2. Pamflet Pejabat Rekod Sekolah Henry Gurney, Telok Mas Melaka.

pihak Jepun telah mengendalikan sebuah syarikat perlombongan yang dinamakan Syarikat Ishara Synon Khisa ( ISK ).<sup>3</sup> Kilang ini terpaksa ditutup kerana kekalahan Jepun di tangan British dan simpanan boksait telah kehabisan. Oleh itu bangunan-bangunan pentadbiran syarikat ISK telah dibaik pulih untuk dijadikan pusat pemulihan akhlak remaja yang dipanggil Sekolah Hendry Gurney.

### **Sejarah Melaka**

Dalam menghuraikan Sejarah Malaysia, tidak dapat tidak kita perlu juga membicarakan sejarah Melaka. Melaka merupakan sebuah empayar Melayu yang teguh dan stabil di bawah satu susunan politik tradisional yang teratur. Melaka terus mencapai zaman kegemilangan pada era pemerintahan Sultan Muzaffar Shah, Sultan Mansur Shah dan Sultan Alauddin Riayat Shah. Perluasan empayar Melaka merangkumi seluruh Tanah Melayu dan beberapa daerah di Sumatera Timur seperti Jambi, Siak, Rokan, Inderagiri, Kampar, Bangkalis, Bentan, Riau dan Pulau-pulau Karimun. Atas kecemerlangan ini akhirnya era penjajahan Barat bermula. Bermula dengan penawanan Portugis 1511, Belanda 1641 dan Inggeris pada tahun 1824.

Untuk mentadbir sesebuah negara atau kerajaan memerlukan undang-undang. Oleh yang demikian jelaslah terdapat berbagai jenis undang-undang dibuat oleh setiap kerajaan yang memerintah di Melaka. Tanpa undang-undang dan peraturan, hidup manusia secara bermasyarakat akan menjadi kucar-kacir dan tidak menentu. Maka kerana itulah diyakini bahawa setiap masyarakat mempunyai undang-undang dan

---

3. Ibid.

peraturan hidup mereka sendiri. Dengan adanya undang-undang dan hukuman, dapatlah kita meninjau sejauh mana kepintaran masyarakat terdahulu mengendalikan hidup mereka sebagai sebuah masyarakat yang bertamadun. Dalam masa yang sama juga mereka dapat memperkuuhkan lagi kekuatan kerajaan samada secara lembut atau pun kekerasan. Ini jelas dapat dilihat dalam perkembangan kerajaan Melayu Melaka, di mana undang-undang dikanunkan seperti Hukum Kanun Melaka. Seterusnya Undang-undang Pahang, Undang-undang Kedah dan Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak.<sup>4</sup>

Apa yang jelas di sini tidak terdapat undang-undang atau hukuman yang dikenakan kepada kanak-kanak yang bersabit tentang jenayah. Semua undang-undang adalah mengenai perdagangan, pentadbiran negara, hubungan luar dan jenayah dewasa. Adakah kanak-kanak diwaktu itu dapat dikawal dan terikat dengan ikatan keluarga dan masyarakat ?. Suasana hormat-menghormati, derhaka dan adat resam sedikit sebanyak membentuk keperibadian mereka. Malah mereka tidak ada ruang untuk menunjukkan bakat atau kemahiran di dalam masyarakat. Misalnya peristiwa Singapura di Langgar Todak. Idea kanak-kanak tersebut telah digunakan tetapi kerana sifat keegoan dan cemburu orang dewasa' kanak-kanak tersebut telah dibunuhi. Alasannya perasaan bimbang dan dikhuatiri kanak-kanak tadi akan merampas kuasa Sultan bila dewasa kelak.

---

4. Hamid Jusoh, Kedudukan Undang-Undang Islam Dalam Perlembagaan Malaysia, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992. m.s. 4.

Apabila kerajaan Kesultanan Melayu Melaka jatuh ke tangan Portugis, pada tahun 1511 maka berlakulah tambahan sistem perundangan yang baru sebagai contoh perundangan mengenai hal-hal pentadbiran, sivil dan jenayah. Sejajar dengan itu Portugis menekankan perkara-perkara yang penting dan perlu kawalan secara langsung daripada mereka. Seterusnya undang-undang sivil di bawah kawalan seorang ketua keadilan yang dikenali sebagai ‘Oridor’.<sup>5</sup> Manakala undang-undang jenayah diletak di bawah kawalan magistrate.<sup>6</sup> Jadi di sini masih tidak jelas lagi tentang undang-undang terhadap kanak-kanak salah laku di Melaka. Begitu juga ketika pihak Belanda menguasai Melaka. Kedua-dua kuasa Eropah ini hanya mementingkan soal keuntungan dalam perdagangan dan tidak mengambil peduli terutama dalam hal-hal yang berkaitan dengan masyarakat yang mendiami negeri ini.<sup>7</sup> Kedua-dua kuasa ini menyerahkan sistem keadilan kepada ketua masyarakat Melayu untuk memutuskannya.<sup>8</sup> Jadi dengan kata lain keadaan masyarakat tempatan ketika itu dapat membentuk keperibadian kanak-kanak supaya terikat dengan budaya dan sistem adat.

Semasa Inggeris di Tanah Melayu dan menuju Negeri-negeri Selat pada 1826, bermulalah satu sistem perundangan yang lebih teratur dan efektif ke atas semua orang yang menduduki negeri Melaka, Pulau Pinang dan Singapura. Undang-undangnya banyak berdasarkan kepada *English Common Law*. Misalnya ‘Ordinan Kesaksian, Peraturan Mahkamah dan Order In Council No. 9’.<sup>9</sup> Namun begitu, masih tidak jelas

- 
5. Ahmad Ibrahim, Mendekati Sejarah undang-Undang di Malaysia dan Singapura, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995, m.s. 17.
  6. Ibid.
  7. Ibid, m.s. 18.
  8. Ibid.
  9. M. B. Hooker, Undang-Undang Islam di Asia Tenggara, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, m.s. 98.

tentang hukuman terhadap kanak-kanak salah laku. Kebanyakan hukuman jenayah khasnya untuk orang dewasa dan di penjara. Ini jelas bilamana Inggeris telah membina penjara-penjara besar pada pertengahan dan akhir kurun ke 19. Misalnya penjara Pulau Pinang (1849), Penjara Pudu (1876), Penjara Taiping (1879), Penjara Bandar Hilir (1881) dan Penjara Ayer Molek, Johor Bahru (1886).<sup>10</sup> Jadi jelaslah kanak-kanak yang melakukan kesalahan juga dihukum mengikut hukuman orang dewasa dan dimasukkan ke dalam sel-sel besi (penjara). Dengan kata lain tiada suatu akta atau undang-undang yang diguna pakai untuk kanak-kanak.

### **Hukuman Kepada Kanak-kanak di era Abdullah Munshi**

Dalam membicarakan sejarah hukuman juvana kita tidak dapat lari dari membicarakan tentang hukuman kanak-kanak pada zaman Abdullah Munshi. Tulisan Abdullah Munshi<sup>11</sup> adalah satu-satunya rekod tentang hukuman bagi kanak-kanak yang malas dalam pelajaran. Masyarakat Melayu pada umumnya melihat, untuk membentuk anggota masyarakat yang baik ialah daripada kawalan semasa mereka kanak-kanak lagi. Pepatah Melayu ada mengatakan bahawa “Melentur Buluh Biarlah Dari Rebung”. Ini jelas dalam tulisan auto-biografi Abdullah Munshi. Di dalam Hikayat Abdullah, Abdullah bin Abdul Kadir menceritakan bahawa apabila seorang kanak-kanak diserahkan oleh ibu bapanya kepada Tok Guru untuk mengaji Al-Qur'an maka kanak-kanak tersebut akan disediakan beberapa bentuk hukuman. Hukuman ini akan dikenakan sekiranya


---

10. J. F. A. Mc. Nair, Prisoner Their Own Warders, 1826 –1890, Tocson University Of Arizona Press, 1965, ms. 96.

11. Abdullah Munshi seorang ahli bahasa dan pencetus Sastera Moden Melayu dilahirkan di Kg. Pali Melaka.

kanak-kanak tersebut tidak mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Jenis hukuman yang akan dikenakan adalah bergantung kepada kesalahan yang dilakukan. Petikan cerita ini adalah seperti berikut;

“ Serbamula adalah berbagai-bagai perkakas hukuman dan seksa dalam tempat mengaji itu sedia, berbagai-bagai rupanya, dihukumkan atas jenis kesalahannya; pertama rotan dan apit China. Ada pun apit China itu diperbuat daripada rotan segi empat keping, kira-kira panjangnya sejengkal-sejengkal, maka chochok sebelah hujung dimatikan dan lagi sebelah diberi bertali panjang, demikianlah rupa gambarnya. Maka itulah hukuman mengapitkan jari iaitu hukuman seperti budak-budak mencuri atau memukul kawan-kawannya”.<sup>12</sup> (rujuk Rajah 1)



*Apit China*


(Rajah 1)

Seterusnya Abdullah Munshi ada menyatakan tentang bentuk hukuman lain iaitu ;

“ Dan lagi kayu palat namanya iaitu kayu bulat panjang kira-kira sebelah dada, maka iaitu diberi berlubang tiga maka dua punca kiri kanan itu dimatikan dimasuk talinya iaitu dilubang tengahnya. Maka iaitu hukuman seperti budak-budak pelari mengaji atau memanjang pohon-pohon atau menendang kawan-kawan, dimasukkan dua-dua belah kakinya ke dalam tali itu, diputar ke atas kemudian disesah tapak kakinya, demikianlah rupanya.”<sup>13</sup> (rujuk Rajah 2 di m.s. 7)

12. Abdullah bin Abdul Kadir, *Hikayat Abdullah*, Pustaka Antara, Singapura, 1963, m.s. 21-23.

13. *Ibid.*




*Kayu Palat*

Rajah 2

Seterusnya bentuk hukuman bagi kanak-kanak yang degil, bergaduh dan mencuri juga dihuraikan oleh Abdullah dalam bukunya;

“ Dan lagi satu rantai besi, kira-kira panjangnya sedepa atau lebih, maka iaitu dipakukan kepada satu kepala balak, maka sebelah lagi itu diberi berkunci, maka iatu hukuman budak yang lari sebentar dan selalu berkelahi atau tidak mahu mendengar pengajaran ibu bapanya dan lambat belajar serta mencuri, maka dikuncikan rantai di pinggangnya dan disuruh pikul kayu itu berkeliling tempat mengaji itu. Terkadang ditinggalkannya dia dengan rantai-rantai itu, tiada dilepas pulang, diantar nasi ke situ”.<sup>14</sup> ( rujuk Rajah 3)



*Rantai Besi*

Rajah 3

---

14. Ibid.

Selain daripada itu , hukuman ‘singgang’ dikenakan juga kepada budak-budak yang degil dan jahat, tidak mendengar nasihat ibu bapa dan guru mengaji. ‘Singgang’ ialah hukuman berbentuk tangan bersilang memegang telinga dan disuruh bangun duduk dengan tiada berhenti. ( rujuk Rajah 4 )



*Singgang*

Rajah 4

Abdullah Munshi juga menjelaskan;

“ Dan lagi pula suatu hukuman kepada kanak-kanak yang malas mengaji dan sebagainya iaitu dibubuh asap dalam sabut kering banyak-banyak, kemudian pula ditungggangkan budak itu ke atas asap itu, maka yang ada pula dibubuhkan lada China kering ke dalam api itu, maka pedihnya asap itu bukan barang-barang, habis keluar air mata dan air hidung. Dan lagi suatu hukuman budak-budak barang salah dalam tempat mengaji ada satu tali pintal, maka ditambatkan ke pinggang budak itu, diikatkan ke tiang, disuruhkan mengaji papan lohnya <sup>15</sup> itu sampai dapat oleh dapat, sebelum ia dapat tiada dilepaskan, diantar nasi oleh ibu bapanya disitu.

---

15. Lohnya bermaksud, batu terbentuk dari tanah liat. Teuku Iskandar, Kamus Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984, m.s. 705.

Dan lagi satu hukuman budak-budak yang sangat jahat lagi melawan dan lagi pelari dan pencuri, maka iaitu digantung kedua belah tangannya tiada berjejak kakinya. Dan lagi pula suatu hukuman budak-budak yang sangat jahatnya dan pelari, maka iaitu ditiarapkan budak itu maka disesahkan pantatnya (pongpong). Dan lagi suatu hukuman jikalau budak itu terlalu bohong dan memaki orang, maka iaitu digosok lada China mulutnya".<sup>16</sup> (rujuk Rajah 5)



Rajah 5

Daripada tulisan Abdullah Munshi itu, maka dapatlah ditafsirkan bahawa di dalam masyarakat Melayu Lama kanak-kanak juga tidak terlepas daripada dikenakan hukuman. Hukuman-hukuman ini bukan sahaja dikenakan ke atas kanak-kanak yang pergi mengaji sahaja tetapi juga kepada kanak-kanak yang didapati telah melakukan kesalahan seperti mencuri, memukul kawan, memanjat pokok, mlarikan diri, berkelahi atau tidak mahu mendengar pengajaran ibu bapa, lambat belajar, kanak-kanak yang terlalu nakal dan sebagainya. Hukuman ini juga dilakukan oleh ibu bapa, datuknya, adik beradiknya yang lebih tua atau kaum kerabatnya.

---

16. Hikayat Abdullah, m.s. 23.

Sehubungan dengan ini juga, Abdullah ada menyatakan tentang penerimaan ibu bapa terhadap sistem hukuman ini. Beliau menjelaskan ;

“ Shahdan adapun segala hukuman yang tersebut di atas ini, bolehlah dihukumkan oleh gurunya dalam tempat mengaji, maka jikalau anak raja atau anak orang kaya-kaya tiadalah peduli, bolehlah dipukul oleh gurunya dalam tempat mengaji, meski pun sampai berdarah, tiadalah boleh didakwakan akan dia kerana dia mengajar baik. Sebagai lagi, maka adalah adat apabila seorang melepaskan anaknya mengaji maka datanglah ibu bapa budak yang akan mengaji itu dahulu menyembah guru itu serta ibu bapanya berkata tuan, atau encik, saya minta dua perkara sahaja pertama-pertama biji mata budak ini jangan dibutakan dan kedua kaki tangannya jangan dipatahkan, maka lain daripada itu encik punya suka”.<sup>17</sup>

Daripada pernyataan di atas, maka dapatlah ditafsirkan bahawa masyarakat Melayu kurun ke 19 tidak menentang sistem hukuman yang dikenakan di atas kanak-kanak. Sebaliknya ibu bapa ketika itu menggalakkan sistem hukuman ini dijalankan. Ini bertujuan untuk memberi pengajaran yang baik asalkan tidak mencederakan mata, kedua kaki dan tangannya. Di samping itu hukuman ini bukan hanya dikenakan ke atas kanak-kanak rakyat biasa bahkan anak pembesar atau anak raja juga boleh menerima hukuman ini apabila mereka dihantar mengaji dengan seorang Tok Guru.

Dengan kata lain, hukuman ini dapat diterima ramai kerana ia dapat memberi pengajaran yang baik dan memberi perlindungan sosial kepada masyarakat serta menakutkan orang lain daripada melakukan kesalahan. Oleh itu jelaslah mengapa kurangnya berlaku salah laku di kalangan kanak-kanak ketika itu berbanding hari ini. Persoalannya adakah perlu bentuk-bentuk hukuman yang telah dihursti diguna pakai pada kanak-kanak hari ini dalam melahirkan generasi yang berguna.

---

17. Ibid.

## **Salah Laku Juvana<sup>18</sup>**

Masalah juvana salah asuhan merupakan satu masalah sosial yang memerlukan perhatian yang serius dari semua pihak. Ia adalah satu fenomena sosial yang merebak, berpunca dari berlakunya berbagai bentuk perubahan sosial dengan kadar yang begitu pantas sekali. Kesedaran bagi kita untuk mengatasinya adalah langkah terbaik dalam usaha menyelamatkan mereka ini dari terus terjerumus ke tahap yang lebih serius lagi.

Usaha ini adalah penting kerana juvana ini merupakan sumber terbesar negara. Kegagalan mereka dalam menyumbangkan tenaga kepada kebajikan umum atau menjadi tidak berguna serta rosak menyebabkan masyarakat secara keseluruhannya menjadi lemah. Salah asuhan melibatkan penderitaan perseorangan dan ianya dianggap sebagai satu kerugian besar kepada masyarakat. Satu pertambahan di dalam angka tersebut akan membawa kepada perlunya satu tindakan yang serius kerana ianya melibatkan masa depan negara.<sup>19</sup>

Bagi pihak pemerintah di dunia amnya, mereka seringkali menghadapi tugas yang rumit di dalam usaha membasmi masalah ini. Ini adalah disebabkan mereka yang terlibat melakukan kesalahan dan kejahanan di peringkat kanak-kanak itu mempunyai potensi yang besar untuk menjadi penjenayah di masa hadapan. Maka oleh kerana itu dapatlah dikatakan masalah juvana ini sebagai masalah antarabangsa dan sebahagian dari gejala

<sup>18.</sup> Juvana ertinya seseorang yang telah mencapai umur bagi tanggung jawab jenayah yang ditetapkan di bawah seksyen keseksaan dan di bawah umur 17 hingga 21 tahun. Hukuman boleh dibuat hanya di Mahkamah Juvana seksyen 12 (1).

19. Herbert C. Quay ( ed ), Juvenile Delinquency, D. Van Nostand Company, Inc., New Jersey, Princeton, 1967, m.s. 1.

dunia moden hari ini yang merosakkan pemikiran manusia.<sup>20</sup> Juvana adalah golongan yang memerlukan perhatian serta bantuan dari pihak kerajaan dan masyarakat secara amnya. Mereka ini, biasanya terdiri dari golongan yang terlalu banyak terdedah kepada berbagai bentuk cabaran serta terpaksa menghadapi cabaran-cabaran itu bersendirian tanpa diketahui oleh ibu bapa atau penjaganya.

Perubahan-perubahan sosial yang begitu dinamik dan berlaku dengan kadar yang cepat sekali banyak mempengaruhi jiwa mereka sejak mereka dilahirkan. Dari mula belajar bertutur, berjalan sehingga menuju ke alam kedewasaan. Akibatnya ialah kebanyakannya dari mereka ini menjadi dewasa dalam usia yang terlalu awal. Dalam ertikata yang lain, mereka ini telah terpaksa menerima tanggungjawab-tanggungjawab yang amat berat ketika mereka masih mentah lagi.

Apakah yang dimaksudkan dengan juvana ini?. Terdapat berbagai definisi yang telah dikemukakan. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di dalam kongresnya mengenai ‘Pencegahan terhadap jenayah dan pemulihan ke atas pesalah-pesalah’ telah menjelaskan bahawa;

“... di kebanyakan negara, makna bagi kanak-kanak salah asuh ini adalah terlalu luas yang mana merangkumi segala manifestasi perlakuan tentang kenakalan. Di bawah pengaruh beberapa teori yang dikemukakan, kanak-kanak salah asuh diidentifikasi samada satu keadaan yang tidak teratur atau pun perkara yang berkait rapat dengan keadaan hidup yang miskin. Maka oleh itu

---

20. Merry Manuel Shulman, Juvenile Delinquency in American Society, Harper and Row Publishers, New York, 1961, M.s. 11.

perlakuan seperti tidak menurut perintah, keras kepala, kurangnya sikap menghormati orang lain, merokok tanpa kebenaran, ketawa dengan cara keterlaluan dan sebagainya adalah tergolong di dalam kategori salah asuh....”<sup>21</sup>

Bagi negara-negara lain, kebanyakannya mempunyai cara yang tersendiri dalam mendefinisikan perkara ini mengikut undang-undang negara tersebut. Di Kanada, misalnya menurut Akta ‘Juvenile Delinquency’ tahun 1952, kanak-kanak salah asuh diertikan sebagai;

“...sesiapa sahaja yang melanggar sebarang peraturan yang termaktub di dalam undang-undang jenayah atau undang-undang serta peraturan wilayah dan daerah atau pun mereka yang ditahan berdasarkan sebab-sebab yang munasabah serta dihantar ke sekolah pemulihan di bawah pengawasan kerajaan...”<sup>22</sup>

Mengikut pendapat Mussen, Conger dan Kagen di dalam bukunya ‘Child Development and Personality’ , juvana pada asasnya adalah satu konsep yang terdapat di dalam perundangan. Ianya didefinisikan dengan berbagai cara berlandaskan masa dan keadaan. Di Amerika Syarikat, misalnya juvana secara umum diaplikasikan kepada mereka yang berumur di bawah 16 tahun serta belum melebihi 18 tahun dan berkelakuan kurang baik yang mana bertentangan dengan undang-undang negara.<sup>23</sup>

- 
21. Marvin E. Wolfgang, Leonard Savitz, Norman Johnston ( ed ), The Sociology Of Crimes and Delinquency, John Wiley & Sons, Inc., New York, 1970, m.s. 22.
  22. Sophia M. Robinson, Juvenile Delinquency: Its Nature and Control, Hohl, Rinehart and Winston, New York, 1960, m.s. 29.
  23. Mussen, Conger and Kagen, Child Development and Personality, Harper and Row Publishers, New York, 1969, m.s. 759.

Di negara ini menurut Perlembagaan Malaysia Akta 90, Mahkamah Budak-budak, 1947, juvana itu adalah seseorang yang telah mencapai umur 17 tahun dan di bawah 21 tahun serta melanggar undang-undang negara yang boleh dikenakan hukuman atau denda oleh pihak mahkamah.<sup>24</sup> Manakala Shulman di dalam bukunya ‘Juvenile Delinquency’ menerangkan bahawa kenakalan yang berkait rapat dengan salah asuhan itu merupakan sebarang bentuk tingkah laku yang melanggar undang-undang tertentu, baik secara sengaja atau tidak disengajakan.<sup>25</sup>

### **Sebab-sebab Berlakunya Keadaan Salah Asuhan**

Dalam meninjau akan sebab-sebab yang mendorong kepada berlakunya keadaan salah asuhan ini maka penulis akan cuba mendekati pendapat beberapa aliran yang telah dikemukakan. Mengikut aliran peringkat pertama dikenali dengan peringkat ‘Kronologi’. Ianya merupakan peringkat di mana kanak-kanak senang terpengaruh dengan benda-benda sekelilingnya dan amat mudah sekali terjerumus ke bidang penjenayah. Mereka ini akan bertindak tanpa berfikir panjang dan melakukan sesuatu perkara itu demi mencapai kepuasan sementara sahaja. Para pengkaji mendapati mereka yang tergolong di tahap ini berumur di antara dua belas atau tiga belas tahun dan ianya akan berterusan sehingga kanak-kanak ini mencapai tahap umur dua puluhan. Mereka juga menekankan bahawa fenomena ini berlaku kepada setiap individu tanpa mengira bangsa, agama dan kebudayaan.

---

24. Perlembagaan Malaysia, Akta 90 Akta Mahkamah Budak-budak, 1947, ( revised 1972 ), Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1977, m.s. 8.

25. H.M. Shulman, Juvenile Delinquency, Harper and Row Publishers, New York, 1961, m.s. 23.

Peringkat kedua pula dikenali sebagai peringkat ‘Psikologi’. Di tahap ini pengkaji mendapati yang kebanyakan kanak-kanak akan berada di suatu pinggiran khas dalam mencari suatu penyesuaian baru untuk menukar sifat serta tingkah laku yang keanak-anakan kepada sifat dan perlakuan orang dewasa.

Peringkat terakhir perkembangan diri kanak-kanak itu dapat dilihat dari sudut ‘Sosiologi’. Ianya merupakan zaman peralihan terakhir dari sifat kanak-kanak yang terlalu bergantung kepada kedua ibu bapa sebagai rujukan kepada pembentukan satu sifat berdikari serta cuba menyelesaikan setiap masalah yang dihadapi secara perseorangan. Kanak-kanak ini akan cuba membiasakan hidupnya secara tersendiri tanpa memerlukan bantuan dari orang kedua.

Kelasik yang dipelopori oleh Bacaria melalui tulisan beliau yang berjudul ‘Crime and Punishment’ dalam tahun 1764, kenakalan dan konsep salah asuhan itu wujud berdasarkan prinsip bahawa manusia itu mempunyai kebebasan yang mutlak dalam memilih serta melakukan sebarang perlakuan yang diingininya. Mereka melakukan kebaikan atau kejahatan berdasarkan kemahuannya tanpa mendapat tentangan atau halangan dari pihak kedua. Apa yang ketara ialah segala perlakuan serta pemilihan terhadapnya adalah berkecenderungan kepada kejahatan. Kesenangan hidup di dunia adalah matlamat utama mereka tanpa memberikan perhatian kepada pendidikan kanak-kanak di bawah jagaannya.<sup>26</sup>

---

26. H.A. Bloch and F.T. Flynn, Juvenile Delinquency: The Juvenile Offender in American Today, Random House, 1965, m.s. 8.

Bagi golongan yang menganuti aliran positivistik pula, mereka berpendapat yang kenakalan itu terjadi bukanlah ditentukan oleh keinginannya sendiri tetapi ianya dipandu atau disebabkan oleh faktor-faktor biologikal, sosiologikal dan psikologikal. Berdasarkan kepada pendekatan biologikal, kenakalan itu berlaku disebabkan oleh faktor biologi manusia itu sendiri. Teori yang dikemukakan oleh Cesure Lombrosso ( 1836 – 1909 ) menyatakan bahawa ia dapat digambarkan, misalnya melalui bibir yang tebal, mata yang besar dan tajam, mulut lebar dan herot dan lain-lain lagi. Tanda-tanda seperti ini dianggap melambangkan satu ciri yang tidak normal yang menjadi petunjuk terhadap perlakuan dan perbuatan seseorang.<sup>27</sup>

Pendekatan psikologikal pula berdasarkan kepada rangka kerja psikologikal keluarga di mana kenakalan dan salah asuhan itu terjadi disebabkan oleh kegagalan keluarga bertindak untuk membentuk tingkah laku kanak-kanak sejak dari kecil lagi. Kanak-kanak ini seringkali meninggalkan rumah didorong oleh faktor dalaman yang kurang memuaskan lalu melibatkan diri ke kancang kenakalan.<sup>28</sup>

Ditinjau dari pendekatan sosiologi pula, kenakalan dan salah asuhan itu berlaku akibat dari beberapa faktor. Pertamanya faktor ekologi. Menurut analisa, pusat-pusat bandar dengan penempatan-penempatan yang sesak seperti kawasan setinggan dan kawasan kurang maju mempunyai peratusan tertinggi berlakunya kenakalan dan jenayah di kalangan kanak-kanak. Kajian yang dilakukan di Chicago dan Philadelphia menunjuk

---

27. Sophia M. Robinson, opcit, m.s. 59.

28. Roger W. Mc. Intire, ' Spare The Rod, Use Behavior Mod ' dalam Goerge Roleder, (ed), Marriage Means Encounter, Iowa, 1973, m.s. 146.

kan kawasan sesak ini merupakan kawasan penempatan bagi golongan kurang berada di mana tiadanya kemudahan-kemudahan asas seperti pelajaran, kesihatan dan lain-lain lagi keperluan penting bagi membentuk satu masyarakat yang baik. Di sini juga kelihatan berlakunya kadar jenayah yang tinggi. Ia juga merupakan tempat persembunyian para penjenayah dan sarang pelacuran.

Ahli-ahli kriminologi seperti Tarde, Edwin M. Sutherland dan Donald R. Cressay dalam penelitiannya terhadap 'kumpulan yang berbeza' menerangkan sebab-sebab berlakunya salah asuhan serta kenakalan. Di antara sebab-sebab itu ialah sikap ingin melanggar undang-undang dan peraturan yang ada. Ini terjadi akibat daripada didorong oleh satu tindakbalas dan keinginan yang berbeza berpunca dari keterlibatan dengan jenayah yang terdapat di dalam masyarakat.<sup>29</sup> Berasaskan pendapat ini dapat kita rumuskan bahawa terdapat empat prinsip utama yang dapat melahirkan sikap salah asuhan atau kenakalan itu;

- a. kenakalan itu dipelajari misalnya melalui hubungan komunikasi dengan orang lain. Proses pembelajaran ini berlaku di dalam satu kumpulan yang erat dan personal.
- b. Seseorang kanak-kanak itu menjadi nakal disebabkan bergaul dengan mereka yang mempunyai tanggapan bahawa perlunya undang-undang itu dilanggar.
- c. Proses mempelajari kenakalan melalui sosialisasi ini terdapat di dalam semua bentuk masyarakat di dunia ini.

---

29. Paul W. Tappan, Juvenile Delinquency, Mc. Graw-Hill Book Com., Inc., New York, 1949, m.s.82.

- d. Kenakalan dan kejahatan juga sering dikatakan sebagai ‘penyataan dari keperluan umum dan pembentukan nilai’. Keinginan untuk hidup mewah dan memiliki harta kekayaan adalah impian semua manusia. Apa yang berbeza ialah cara bagaimana ianya dicapai samada melalui kebaikan atau sebaliknya.

Analisa yang dibuat oleh sarjana-sarjana berdasarkan ‘determinisma ekonomi’ menunjukkan bahawa sistem kapitalisme yang diamalkan dikebanyakan dunia hari ini mungkin sebagai satu faktor yang menggalakkan berlakunya kenakalan dan salah asuhan. Akibat dari hidup yang berlumba-lumba dan ingin mencari kesenangan hidup maka ibu bapa serta penjaga telah mula melupakan tanggungjawabnya dalam mendidik anak-anak mereka. Corak hidup yang miskin dan melarat menyebabkan mereka kurang mampu untuk memberikan pendidikan yang sempurna kepada anak-anak mereka. Anak-anak yang sering terbiar, tidak terurus dan sebagainya akan menyebabkan mereka ini membesar menjadi manusia yang kekurangan dari segi kasih sayang dan pelajaran.

Kehidupan di peringkat ini juga mengakibatkan berlakunya kejatuhan moral terutamanya dalam hubungan seks. Corak kehidupan rumah tangga yang sempit dan sesak menyebabkan seringkali kanak-kanak menjadi saksi terhadap perlakuan seks ibubapanya. Perkara ini menjadi lebih buruk lagi dengan terdapatnya kegiatan pelacuran secara bebas, homoseks, hidup tanpa nikah dan lain-lain lagi. Keadaan yang sama juga berlaku di dalam keluarga yang mengamalkan minum minuman keras dengan bebasnya. Mereka yang melakukan perbuatan ini kononnya kerana melepaskan rasa kesakitan atau pun tekanan mental yang akhirnya tanpa disedari menjadi penagih. Akibatnya mereka mula melupakan tanggungjawab terhadap keluarga. Seringkali terjadi di mana kedua

kepala keluarga adalah penagih arak. Maka yang menjadi mangsanya adalah anak-anak mereka. Kanak-kanak ini acap kali tidak mendapat perhatian serta kasih sayang yang sewajarnya dan ini menjadikan mereka liar dan sukar dikawal.<sup>30</sup>

Dari kajian-kajian yang dilakukan di negara Barat didapati bahawa keluargalah yang menjadi punca dan 'pusat berlakunya salah asuhan dan kenakalan'. Cooley, di dalam analisanya tentang 'perwatakan dan perlakuan kumpulan' menyatakan pendapatan bagi menyara kehidupan, dikenalpasti sebagai punca yang menyebabkan berlakunya kenakalan.<sup>31</sup> Perhubungan ini adalah selari dan sukar dipisahkan. Ibu yang keluar bekerja bagi menampung pendapatan keluarga yang tidak mencukupi membuatkan kanak-kanak kurang mendapat perhatian serta jagaan yang rapi.<sup>32</sup>

Peranan media massa dalam mempengaruhi tingkah laku serta perangai kanak-kanak sememangnya telah lama diperhatikan. Pengaruh ini seperti radio, televisyen, makalah, suratkhabar, wayang gambar dan di kebelakangan ini video amat ketara sekali. Penampilan cerita seperti rogol, pembunuhan, penggunaan senjata api dan sebagainya dirasakan sedikit sebanyak meninggalkan kesan di hati sanubari kanak-kanak. Mereka akan cuba meniru segala yang dilihat di mana akhirnya menjadi suatu kelaziman membawa ke peringkat dewasa.

---

30. William A. Bonger, Pengantar Tentang Kriminologi, Jakarta, 1970, m.s. 38.

31. Sophia M. Robinson, Opcit, m.s. 108.

32. Herbert C. Quay, opcit, m.s. 69.

Hakikat ini diakui oleh James V. Mannet, Pengarah Biro Penjara Pusat di Jabatan Kehakiman, Amerika Syarikat. Beliau menyatakan sebahagian dari program televisyen yang disiarkan mempunyai pengaruh yang kuat khasnya ke atas kanak-kanak yang kurang stabil pendiriannya, seringkali melakukan penentangan terhadap ibubapa, juga terhadap mereka yang hidupnya selalu di dalam kegelisahan fizikal dan mental.<sup>33</sup> Perkara yang sama juga diakui oleh Herman C. Stark, Pengarah Lembaga Belia California, bila mana di dalam kajiannya, beliau mendapati bahawa kanak-kanak ini mengaku bahawa cara-cara yang digunakan dalam melakukan jenayah dan keganasan ditiru dari rancangan televisyen.<sup>34</sup>

Kenakalan dan salah asuhan juga berlaku disebabkan oleh pengaruh kebudayaan yang terdapat di kalangan masyarakat itu sendiri. Richard A. Cloward dan Lloyd E. Ohlin yang membuat kajian di atas tajuk ini mendapati faktor salah asuhan itu berkait rapat dengan perbuatan jenayah. Mereka mendapati kanak-kanak ini menjadi nakal kerana didorong oleh keinginan mereka sendiri serta pengaruh luar yang terdapat di sekelilingnya. Keadaan ini menjadi bertambah buruk lagi akibat kurang berkesannya undang-undang yang ada bagi mengawal keadaan ini dari berterusan.<sup>35</sup>

Selain daripada itu para pengkaji juga mendapati mereka ini bertindak liar kerana ingin dikenali. Situasi ini wujud disebabkan kurang berjayanya mereka mengikuti dan

---

33. Herbert Blumer & P.M. Hunsen, The Movies, Delinquency and Crime, Mac Millian, New York, 1973, m.s. 231.

34. Ibid., m.s. 240.

35. Richard A. Cloward & Lloyd E. Ohlin, Delinquency and Opportunity, Free Press, New York, 1960 m.s. 171.

memenuhi cara hidup yang kian mencabar dewasa ini. Konflik terdapat di dalam diri itu secara umumnya telah dimanifestasikan melalui perbuatan-perbuatan yang salah disisi undang-undang negara.<sup>36</sup>

Kenakalan dan jenayah juga berkait rapat dengan penyalah gunaan dadah. Mereka ini menggunakan dadah sebagai satu jalan keluar bagi mengatasi masalah yang dihadapi. Di dalam perkara ini terdapat dua faktor utama yang mendorong mereka berbuat demikian;

- a. Berterusan mengalami kegagalan dalam mencapai sesuatu matlamat hidup seperti gagal dalam pelajaran, pekerjaan, rumah tangga yang sering berpecah belah di mana tiadanya muafakat di antara kedua ibubapa atau penjaga.
- b. Tidak dapat menyesuaikan diri dengan kehendak masyarakat Sekeliling. Akibatnya mereka merasakan dirinya tersisih dan tidak dihiraukan.<sup>37</sup>

Sekolah juga dianggap sebagai salah satu faktor pendorong kepada kenakalan. Sistem persekolahan yang terlalu menekankan kepada pencapaian akademik dan peperiksaan menyebabkan kanak-kanak berada di dalam satu dilema yang berpanjangan. Trojanowiez, dalam bukunya 'Community Based Crime Prevention' menyatakan antara faktor yang berkait rapat dengan kenakalan dan sistem pendidikan hari ini ialah;

- a. Kelakuan buruk dan jahat yang serius berlaku di sekolah seperti pergaulan kecil, kecurian dan sebagainya sedikit sebanyak akan mempengaruhi kanak-kanak apatah lagi jika ianya dikelilingi oleh teman nakal yang sebaya.

---

36. Ibid m.s. 177.

37. Richard A. Cloward & Llyord E. Ohlin, opcit, m.s. 180.

- b. Lari atau ponteng dari sekolah. Ini dilakukan samada bersendiru atau berkumpulan tanpa tujuan tertentu atau ponteng disebabkan tidak bersetuju dengan disiplin sekolah yang ketat, guru yang garang, tidak meminati sesuatu matapelajaran dan sebagainya.
- c. Juga terdapatnya pembaziran masa yang terlalu lama tanpa melakukan sesuatu pekerjaan yang berfaedah. Bagi yang keciciran pula menjadi satu kebosanan baginya untuk terus tinggal di sekolah apatah lagi memandangkan sijil yang bakal diperolehi belum menjamin mendapatkan pekerjaan.<sup>38</sup>

Hanskel dan Yablonsky, di dalam bukunya 'Crime and Delinquency' mengatakan bahawa sekolah adalah tempat percubaan pertama bagi kanak-kanak untuk berpisah dari keluarga. Justeru itu ia sepatutnya dapat bertindak mengesan sebarang perlakuan yang berkaitan dengan salah asuhan dan menolong kanak-kanak itu semasa mereka ini masih kecil lagi. Masalah ini merupakan asas kepada pembentukan nilai-nilai yang baik ketika jiwa nurani mereka belum lagi tercemar dengan perkara-perkara yang buruk.<sup>39</sup>

Persoalan yang sama juga turut diperkatakan oleh Milton L. Barron. Beliau menulis iaitu kurang berkesannya sekolah dalam memberikan pendidikan kepada kanak-kanak seringkali membuatkan mereka ini rosak dirinya, hilang keyakinan diri dan tidak mempunyai keyakinan untuk menghadapi masa depan. Ini juga berlaku disebabkan mereka merasakan dirinya terpulau dari kawan-kawan sekelas dan guru. Apa yang

---

38. Tronojawiez, Community Based Crime Prevention, Goodyear Publishing Company, Inc., California, 1975, m.s. 23.

39. Hanskel & Yablonsky, Crime and Delinquency, Rand Mc. Nally Company, Chicago, 1971, m.s. 302.

berlaku selanjutnya ialah jiwa yang masih mentah ini akan senang terdorong kepada kenakalan dan jenayah.<sup>40</sup>

Dalam hal ini juga pendapat dari Aminah Hj. Noh di dalam bukunya, Persoalan Remaja, Masa Kini yang menyatakan bahawa jenayah yang dilakukan oleh remaja adalah berpunca dari sikap peribadi ibu bapa. Ibu bapa tidak menghiraukan dan menunjuk sesuatu yang baik seperti sembahyang bersama dengan mereka. Ibu bapa sibuk dengan tugas-tugas dan berlakunya perceraian. Di sini remaja dibelenggu masalah bagaimana ingin memulakan alam remaja. Mereka tiada tempat mengadu dan akhirnya rakan sebaya menjadi penasihat.<sup>41</sup> Andai kata rakan sebaya itu baik maka baiklah hasilnya atau sebaliknya. Walau bagaimanapun pendapat daripada Dr. Ahmad Hatim Sulaiman, pakar psikiatri di Jabatan Perubatan Psikologi, Pusat Perubatan Universiti Malaya lebih menekankan bahawa pengaruh televisyen merupakan punca utama gejala sosial yang berlaku ke atas remaja. Beliau menyatakan;

“...lebih 1000 kaji selidik yang dijalankan mengenai kesan keganasan televisyen terhadap kanak serta remaja mendapati hasil yang memang mengaitkan keganasan televisyen dengan tingkah laku agresif”<sup>42</sup>

Sehubungan dengan itu, sifat semula jadi kanak-kanak yang suka meniru aksi-aksi ganas yang selalu mereka tontoni boleh terbawa-bawa dalam kehidupan seharian. Sekali

---

40. Milton L. Barron, The Juvenile in Delinquency Society, New York Knoff, 1960, m.s. 177.

41. Aminah Hj. Noh, Persoalan Remaja, Masa Kini, Al-Hidayah Publishers, Kuala Lumpur, 1998, m.s. 15.

42. Mingguan Malaysia, 23hb. Mei, 2004.

lagi Dr. Ahmad Hatim menjelaskan bahawa;

“ Walaupun kita tidak boleh katakan televisyen sebagai satu-satunya faktor menyebabkan tingkah laku agresif tetapi ia merupakan antara punca utama”.<sup>43</sup>

Dalam hal ini industri perfileman perlu memperbanyakkan bahan yang bercorak ilmiah, kekeluargaan dan nilai-nilai murni untuk mengimbangkan keadaan. Tambahan pula penerbit wajar diberi insentif kerana program seumpama ini berupaya membentuk kanak-kanak menjadi insan yang lebih baik dan bertimbang rasa.

Secara keseluruhannya, bentuk-bentuk hukuman ini dapat dilihat terutama pada awal abad ke 20 yang mana telah menampakkan kita bahawa hukuman fizikal (tubuh badan) amat dititik beratkan dalam bentuk pengajaran dan bimbingan terhadap tingkah laku kanak-kanak. Dalam hubungan ini juga kita dapati sebab-sebab berlakunya kenakalan dan salah asuhan itu begitu kompleks sekali. Ia melibatkan semua pihak tanpa sebarang pengecualian. Kanak-kanak ini yang menuju ke alam kedewasaan memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar yang secukupnya bagi menjadi manusia yang berguna di kemudian hari.

---

43. Ibid.